



KENYATAAN MEDIA

**YB DATO SRI DR HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**PENGUMUMAN NAMA ANAK GIANT PANDA DAN
PEMENANG PERTANDINGAN MENAMAKAN ANAK GIANT
PANDA**

5 APRIL 2016

Rakyat Malaysia bakal mengetahui nama anak giant panda yang dilahirkan di Zoo Negara pada bulan Ogos yang lalu melalui pengumuman rasmi yang akan dibuat di Zoo Negara pada 7 April 2016.

Pertandingan Menamakan Anak Giant Panda yang telah berlangsung dari 17 November 2015 sehingga 17 Disember 2015 merupakan satu pertandingan peringkat nasional yang telah berjaya meraih 22830 penyertaan dari seluruh negara dan pertandingan ini dianjurkan bersempena kelahiran anak giant panda di Zoo Negara pada Ogos lalu.

Saya amat berpuas hati dan terkilan dengan jumlah penyertaan yang diterima bagi pertandingan tersebut. Pada masa yang sama, saya juga berpuas hati dengan pendekatan-pendekatan yang diambil untuk mempromosi pertandingan ini selaras dengan konsep perbelanjaan

berhemah kerajaan kini. Saya memang menjangkakan bilangan penyertaan yang lebih tinggi bagi pertandingan ini berbanding Pertandingan Menamakan Pasangan panda yang diadakan pada tahun 2012 yang merekodkan 2324 penyertaan tetapi saya tidak menjangkakan jumlah penyertaan yang sangat memberangsangkan seperti ini disebabkan kerjasama semua pihak termasuk pihak media.

Daripada 22830 penyertaan yang diterima oleh, sebanyak 15 nama telah disenarai pendek dan seterusnya 9 nama telah dipilih oleh pihak penganjur melalui satu proses saringan yang telus dan sistematik oleh panel juri professional. Kesemua sembilan nama tersebut telah dihantar kepada Chinese Wildlife Conservation Association (CWCA), Republik Rakyat China (RRC) untuk persetujuan pihak mereka. Dalam perkara ini, pihak CWCA amat berpuas hati dengan keputusan pemilihan nama bagi anak giant panda tersebut. Hampir 50% daripada 22830 penyertaan yang diterima tidak memenuhi syarat-syarat pertandingan seperti butiran peserta yang tidak lengkap, faktor umur, ketiadaan karakter Cina dan sebagainya.

Antara nama-nama popular yang paling banyak diterima daripada peserta-peserta pertandingan tersebut ialah ***Jie Jie, Zi Zi, En En, Mei Mei, Ying Ying, Xiang Xiang, Yuan Yuan, Zi Yan dan Zhen Zhen***. Jumlah penyertaan ini menunjukkan bahawa ramai rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum berminat menyertai pertandingan nasional tersebut di samping menjayakan aspirasi kerajaan dalam melestarikan pengurusan biodiversiti di negara ini.

Hadiah utama berupa kereta Perodua Myvi bakal menjadi milik pemenang utama bagi Pertandingan Menamakan Anak Giant Panda. Selain hadiah bagi pemenang hadiah utama, pertandingan ini juga menyediakan dua buah motosikal iaitu motosikal Demak Rino dan Demak DJ 90 dan sebuah televisyen LED berukuran 43 inci dan wang tunai berjumlah RM10,000.00, kepada lima pemenang-pemenang saguhati.

Hadiah-hadiah menarik bagi pertandingan peringkat nasional tersebut telah ditaja oleh dua syarikat terkemuka iaitu Syarikat KS Holding yang telah menaja kereta Perodua Myvi manakala motosikal Demak Rino dan Demak

DJ 90 telah ditaja oleh Syarikat Demak Corporation. Malaysian Zoological Corporation (MZS) yang juga merupakan penganjur bersama pertandingan tersebut telah menyumbangkan sebuah televisyen LED sebagai hadiah saguhati bagi pertandingan tersebut.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dan Zoological Society (MZS) merupakan penganjur bersama bagi pertandingan tersebut yang merupakan satu usaha mempromosi aktiviti konservasi hidupan liar yang dilaksanakan di negara ini di samping menarik minat masyarakat mencintai hidupan liar. Melalui usaha konservasi ini juga, Malaysia berpeluang menjalankan penyelidikan ke atas panda gergasi selain meningkatkan kepakaran tempatan melalui pemindahan teknologi yang disalurkan oleh Republik Rakyat China (RRC) terutama dalam pembiakan 'artificial', kajian genetik dan kajian habitat panda gergasi.

Kelahiran anak giant panda tersebut telah menjadikan Malaysia sebagai negara pertama di dunia yang berjaya melahirkan anak panda secara semulajadi dalam kurungan hanya dalam tempoh 15 bulan ia dipinjam daripada Republik Rakyat China. Setelah hampir tiga bulan dikuarantin, anak giant panda tersebut telah mula dipamerkan kepada pengunjung Zoo Negara pada 17 November 2015 yang lalu.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

5 April 2016